

Malaysia akan terus tegakkan keadilan di Gaza, Asia Barat

BERITA HARIAN 23 JUL 2025

m/s. 2

Pendirian KL tak berganjak walau mungkin jadi penyebab AS kenakan tarif tinggi

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia tidak akan berganjak daripada terus lantang bersuara menegakkan keadilan di Gaza dan negara Asia Barat termasuk Iran, walaupun jika ia menjadi kemungkinan penyebab negara dikenakan tarif timbal balas yang tinggi oleh Amerika Syarikat (AS).

Bagaimanapun, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau melihat adalah tidak adil penetapan tarif yang tinggi oleh AS dilakukan kerana kelantangan negara mengancam tindakan genosid di Gaza.

Namun, katanya, Malaysia masih mempunyai masa hingga bulan depan dan berharap isu tarif dapat diselesaikan dengan baik.

"Kita ada waktu hingga Ogos dan rundingan masih diteruskan, saya tidak mahu 'preempt' (membuat andaian awal). Tarif Malaysia lebih rendah berbanding Thailand, Vietnam dan Kemboja.

"Namun kita tidak anggap tindakan AS adalah adil (berkaitan tarif). Ia adalah unilateral melanggar semua prinsip WTO (Pertubuhan Perdagangan Dunia), dan perjanjian sedia ada," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (MUDA-Muar) yang mahu tahu sama ada penetapan tarif timbal balas dikenakan AS terhadap Malaysia adalah disebabkan ketegasan Perdana Menteri dan kelantangan negara membelah Palestin.

Presiden AS, Donald Trump mengenakan tarif sebanyak 25 peratus ke atas semua produk Malaysia yang dieksport ke negara itu, mulai 1 Ogos nanti.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, dasar luar Malaysia adalah berpandukan prinsip kedaulatan, keadilan dan undang-undang antarabangsa.



Anwar pada sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.
(Foto Jabatan Penerangan Malaysia)

Tiada tekanan ekonomi

Perdana Menteri berkata tiada sebarang tekanan termasuk ancaman ekonomi akan menghangat negara daripada mengambil pendirian tegas serta bebas.

Beliau berkata, ada juga kemungkinan kelantangan Brazil terhadap AS dalam isu genosid di Gaza dan menentang langkah unilateral dikenakan ke atas negara berkembang termasuk BRICS (Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan) menyebabkan negara itu dikenakan tarif sebanyak 50 peratus.

"Namun tidak kira apapun ugutan atau bantahan mereka dalam soal pendirian kita dalam isu Palestin, Gaza atau hubungan baik kita dengan Iran, ia tidak akan mengubah pendirian tegas kita.

"Sebagai sebuah negara berdaulat dan merdeka, kita akan terus menyuarkan pandangan," katanya.

Perdana Menteri berkata, ne-

gara kini belum berada dalam rundingan akhir namun ada beberapa perkara yang menjadi pertimbangan besar termasuk dalam aspek eksport elektrik dan elektronik (E&E) antaranya semikonduktor ke AS yang melibatkan 60 peratus.

Pada sesi sama bagi menjawab soalan tambahan Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal (PN-Machang), Anwar tidak menolak kemungkinan kelantangan Malaysia dalam mempertahankan Gaza, menyebabkan negara menjadi sasaran 'kehadiran' ejen Mossad, selain penyeludupan senjata dan dadah.

Atas dasar itu, katanya, langkah tambahan sudah diambil kerajaan termasuk melalui Kementerian Dalam Negeri untuk meningkatkan keupayaan keselamatan negara.

"Badan perisik antarabangsa termasuk Mossad itu dikenal pasti. Taklimat terbaharu diberi badan perisikan Malaysia," katanya.